



26 SEP, 2024

Kastam terima 20 APD

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2

Kastam terima 20 APD

Kuala Lumpur: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menerima 20 anjing pengesan dadah (APD) baka Labrador Retriever dari India pada 7 Jun lalu.

Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan/Pematuhan), Ribuan Abdullah berkata, semua APD bersama penyelia (*handler*) sudah menjalani latihan dikendalikan jurulatih di Unit K9 Ibu Pejabat JKDM.

Menurutnya, melalui latihan itu, penyelia memperoleh kecekapan dan keserasian untuk menjalankan tugas bersama APD.

“Penyerahan APD kepada Cawangan Narkotik di negeri persempadanan negara antara usaha bantu Bahagian Penguatkuasaan membanteras penyeludupan dadah.

“Selain daripada penggunaan teknologi mesin pengimbas terkini, kehadiran APD yang memiliki deria bau sangat sensitif berkeupayaan untuk mengesan dadah di lapangan,” katanya dalam kenyataan di sini, kelmarin.

Ribuan berkata, penggunaan APD memberi fokus kepada pengesanan dadah di sempadan negara termasuk pemilikan dan pengedaran dadah di dalam negara.



26 SEP, 2024

Kastam terima 20 APD

Harian Metro, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Kuala Lumpur: Ja b a t a n Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menerima 20 anjing pengesan dadah (APD) baka Labrador Retriever dari India pada 7 Jun lalu. Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan/Pematuhan), Ribuan Abdullah berkata, semua APD bersama penyelia (h an dler) sudah menjalani latihan dikendalikan jurulatih di Unit K9 Ibu Pejabat JKDM.Menurutnya, melalui latihan itu, penyelia memperoleh kecekapan dan keserasian untuk menjalankan tugas bersama APD.